

Headline	Bekas pegawai polis kena penjara, denda RM105,000		
MediaTitle	Berita Harian	Language	Malay
Date	13 Jul 2016	Readership	947,000
Circulation	125,514	Page No	26
Section	Nasional	Journalist	Norrasyidah
ArticleSize	403 cm ²		
PR Value	RM 41,675		



Bekas pegawai polis kena penjara, denda RM105,000

→ Rakan turut dihukum kes suapan hilangkan rekod jenayah

Oleh **Norrasyidah Arshad**

Norrasyidah@bh.com.my

► Shah Alam

Mahkamah Sesyen di sini, semalam, menjatuhkan hukuman 12 tahun penjara kepada bekas pegawai polis berpangkat Deputi Superintendan selepas didapati bersalah menerima tiga suapan berjumlah RM21,000, lapan tahun lalu.

Hakim Asmadi Husin, bagaimanapun memerintahkan tertuduh, Nik Azainoon Nik Aziz, 54, hanya menjalani hukuman penjara empat tahun selepas mahkamah membuat keputusan setiap kesalahan yang dijatuhkan hukuman penjara empat tahun, berjalan se-rentak bermula semalam.

Asmadi turut menjatuhkan hukuman denda RM105,000 terhadap

Nik Azainoon yang bertugas di Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, Bukit Aman dan sekiranya gagal membayar, dia diperintahkan menjalani tambahan 12 bulan penjara.

Dalam prosiding yang sama, rakan subahat Nik Azainoon, Roslan Jali, 49, yang bekerja sebagai juruelektrik turut dijatuhkan hukuman penjara empat tahun selepas didapati bersalah bersetuju terima dua suapan berjumlah RM11,000 bagi pihak Nik Azainoon.

Didenda RM55,000

Roslan turut dijatuhkan hukuman denda RM55,000 dan hukuman penjara tambahan tujuh bulan sekiranya gagal membayar jumlah denda terbabit.

Mengikut pertuduhan, kedua

tertuduh menerima suapan berkenaan sebagai dorongan kepada Nik Azainoon menghilangkan rekod kesalahan jenayah pekerja Tenaga Nasional Berhad (TNB), Che Ayub Senik, yang ditangkap kerana disyaki terbabit dalam kegiatan 'Black Money'.

Kedua mereka melakukan perbuatan terbabit antara 5 November 2008 hingga 4 Februari 2009 di Restoran Starwalk Cafe and Bakery, Taman Dagang, Ampang dan Restoran A&W, Petaling Jaya.

Kes dikendalikan Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Mohd Sukri Seman mengikut Seksyen 10 (a)(b) Akta Pencegahan Rasuah 1997 manakala kedua tertuduh tidak diwakili peguam.

Headline	Bekas pegawai polis kena penjara, denda RM105,000		
MediaTitle	Berita Harian	Language	Malay
Date	13 Jul 2016	Readership	947,000
Circulation	125,514	Page No	26
Section	Nasional	Journalist	Norrasyidah
ArticleSize	403 cm ²		
PR Value	RM 41,675		

Fakta nombor

12 TAHUN
penjara dikenakan terhadap Nik Azainoon



3 SUAPAN
berjumlah RM21,000 diterima 8 tahun lalu

[FOTO MOHD ASRI SAIFUDDIN MAMAT/BH]

Nik Azainoon (kiri) dan Roslan dijatuhi hukuman oleh Mahkamah Sesyen Shah Alam selepas didapati bersalah atas kesalahan menerima wang suapan RM21,000 lapan tahun lalu.